

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PUSTAKAWAN**

1. (a) Jawatan : Pembantu Pustakawan Gred S1
- (b) Jabatan : Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial

2. Jadual Gaji

:

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

3. Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,500.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,561.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,622.00)

2. Kelayakan SPM Sebagai Syarat Lantikan Dalam Perkhidmatan Awam

- a. Bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam Perkhidmatan Awam yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat SPM, calon hendaklah memenuhi syarat minimum SPM berikut:
 - (i) dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; **atau**
 - (ii) dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
- b. Selain itu, terdapat skim perkhidmatan tertentu yang mensyaratkan Kepujian/Lulus dalam mata pelajaran tertentu selain daripada keperluan memenuhi syarat kelayakan seperti 2(a)(i) dan 2(a)(ii) di atas.

3. Kelayakan SVM Sebagai Syarat Lantikan Dalam Perkhidmatan Awam

- a. Bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam Perkhidmatan Awam yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat SVM, calon hendaklah memenuhi syarat minimum SVM berikut:
 - i. mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); **dan**
 - ii. kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

4. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Taraf Jawatan : Kontrak (Interim)
6. Fungsi Bidang Tugas : Membantu dalam menjalankan operasi harian perpustakaan seperti pengurusan koleksi buku, penyusunan buku di rak, pengendalian peminjaman dan pengembalian bahan pustaka @ bahan perpustakaan dan pengendalian aktiviti gerakan membaca.
7. Tarikh Tutup Permohonan : **20 Julai 2026 (Isnin)**